

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan rancangan Kerajaan dalam menghadapi bencana kemarau seperti El Nino di Sabah. Nyatakan rancangan dan peruntukan yang sedang dan akan dilaksanakan di Sabah. Adakah kajian komprehensif mengambil kira semua alternatif demi memastikan pengurusan bekalan air telah dijalankan di Sabah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jabatan Air Negeri Sabah telahpun mewujudkan satu program iaitu Program Mitigasi Perubahan Iklim untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dengan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM5 juta. Program ini bertujuan untuk menjalankan kajian terperinci impak perubahan iklim terhadap sumber bekalan air di Sabah. Ia sebagai persediaan awal sebelum pelaksanaan projek-projek yang bertujuan sebagai langkah-langkah mitigasi bagi menghadapi perubahan iklim.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA
KINABALU]**

SOALAN : 309

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah tidak diberi keistimewaan dalam penggunaan sistem pengangkutan keretapi di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pemberian hak keistimewaan terhadap penggunaan sistem pengangkutan keretapi di Semenanjung Malaysia kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri samada dari Semenanjung Malaysia mahupun Sabah dan Sarawak adalah tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini.